

Pahit getir sebelum Malaysia merdeka

Semua dimuatkan dalam *Road to Nationhood Malaysia 1941-1966*

Oleh Salbiah Ani
dahiya@nstp.com.my

ROAD to Nationhood Malaysia 1941-1966 yang diterbitkan Pusat Sumber NSTP pasti memberi kepuasan kepada pembaca yang dahagakan maklumat berhubung kedudukan negara ini dalam tempoh 25 tahun sebelum merdeka sehingga kepada pembentukan Malaysia.

Jaminan ini pasti memandangkan buku jilid mewah ini memuatkan maklumat dalam bentuk tulisan, gambar dan keratan akhbar berhubung peristiwa berkaitan sejarah negara ini, bermula dengan serangan tentera Jepun ke atas Malaya, pentadbiran British di Tanah Melayu, tempoh darurat, perjuangan ke arah kemerdekaan dan pembentukan Malaysia.


Sesuai dengan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara yang akan diraikan pada 31 Ogos ini, generasi muda yang tidak tahu pahit getir yang terpaksa dilalui generasi sebelum merdeka akan dapat mengimbuai perjuangan generasi terdahulu dalam membebaskan negara daripada cengkaman penjajah.

Tentera Jepun dalam buku ini dilaporkan melancarkan gerakan menawan Malaya dan Singapura dengan mendarat di Pantai Padang Sabak di Kelantan selain melakukan pencerobohan di Singgora mahupun Pattani di Selatan Thailand untuk melancarkan serangan di Jitra serta Alor Star.

Tindakan ini dilakukan kerana tentera Jepun mengetahui kelemahan pertahanan British di bahagian utara tanah air sehingga akhirnya Pulau Pinang ditawan pada 17 Disember 1941, Ipoh (27 Disember 1941) dan Kuala Lumpur (11 Januari 1942).

Tentera British yang mencatatkan kematian tinggi dalam pertempuran dengan Jepun akhirnya terpaksa berundur dan bertahan di Singapura sebagai kubu terakhirnya, sebelum Malaya akhirnya tersungkur, lalu jatuh ke tangan Jepun pada 15 Februari 1942.

Jepun hanya menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 selepas tentera bersekutu menawan Jepun dalam Perang Dunia Kedua dengan menggugurkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki sebagai tindak balas serangan Jepun ke Pearl Harbour di Hawaii.



Sepanjang lima tahun pendudukan Jepun di Malaya, pelbagai kekejaman terpaksa dilalui rakyat negara ini tanpa mengira usia dan gender, mereka sengsara fizikal serta mental selain menjadi mangsa prejudis, sebelum cahaya keamanan menjenguk semula pada 8 September 1945.

Pasti ada pembaca yang akan terkejut dengan maklumat penerbit pada halaman 24 buku ini yang menjelaskan istilah Malaysia pertama kali terpapar dalam akhbar *The Straits Times* bertarikh 13 September 1945, sudah wujud 18 tahun sebelum itu ketika Pengarah North Borneo Chartered, Lord Brassey, mencadangkan wilayah Malaya, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei diletakkan di bawah satu jajahan tunggal iaitu Malaysia.

Turut disinggung maklumat berhubung setengah juta tentera Jepun di Malaya dan Hindia Belanda, hanya meletakkan senjata selepas perjanjian formal ditandatangani di Singapura oleh Komandan Tentera Jepun di negeri itu, Jeneral Itagaki, selepas 1,374 hari bom Jepun digugurkan di pulau itu.

Tidak kurang menarik, maklumat berhubung 110,000



TUNKU Abdul Rahman memegang kad pengenalan pertama selepas Malaysia merdeka.

tawanan perang Jepun yang dihantar ke pulau tidak berpenghuni, Pulau Rempang pada 1945 yang terletak di tenggara Singapura dan terpaksa hidup seperti Robinson Crusoe serta hanya dihantar pulang ke negaranya dua tahun kemudian.

Maklumat berhubung Malayan Union diumumkan Inggeris pada 1 April 1946 bagi menggantikan Pentadbiran Tentera British turut dimuatkan dalam buku ini lewat Bab 2, *From British Military Administration To Federation Of Malaya Agreement*.

Bagaimanapun cadangan Inggeris ditolak pemimpin Melayu dan dilaporkan pada Mei 1946, Umno dibentuk oleh nasionalis Melayu pimpinan Datuk Onn Jaafar yang ketika itu, Ketua Menteri Johor, lalu Malayan Union dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu yang berkuat kuasa pada 1 Februari 1948.

Pembaca turut didedahkan dengan maklumat tindakan Parti Komunis Melayu yang melancarkan serangan bersenjata terhadap Kerajaan Persekutuan kerana berasa Inggeris mahu menyingkirkan mereka daripada proses kemerdekaan, dimulai dengan pembunuhan tiga pemilik ladang Inggeris pada 16 Jun 1948.

Akibatnya, Inggeris terpaksa mengisytiharkan darurat pada keesokan harinya apabila komunis sengaja melancarkan kempen keganasan dan membunuh bagi menghuru-harakan ekono-

mi negara selain melumpuhkan kerajaan baru dan tindakan keganasan yang berpangkalan di hutan berlangsung selama 12 tahun.

Pelantikan Lt Jen Sir Gerald Templer sebagai Pesuruhjaya Tinggi British pada 1952 menamatkan era darurat dan langkah meningkatkan keselamatan diambil bagi melumpuhkan komunis sebelum akhirnya darurat ditarik balik pada 31 Julai 1960.

Detik bersejarah kemerdekaan negara hanya dapat dinikmati melalui Perjanjian Persekutuan Melayu 1957 yang ditandatangani pada 5 Ogos 1957 dan tepat jam 12 tengah malam 30 Ogos 1957, bendera British diturunkan di Padang Kelab Selangor dan bendera Malaya dinaikkan.

Pada 31 Ogos 1957, dengan disaksikan 25,000 orang di Stadium Merdeka, Tunku Abdul Rahman membacakan perisytiharan kemerdekaan dan sambil mengangkat tangan, Bapa Kemerdekaan Malaysia itu melaungkan merdeka sebanyak tujuh kali.



WANITA beri sokongan kepada calon Umno dalam pilihan raya pertama Malaysia.

Info

**Road to Nationhood
Malaysia 1941-1966**

Penerbit: Pusat Sumber NSTP

Editor Penyelaras: Zainul Ariffin Mohamed Isa

Tebal: 247 halaman

Harga: RM130 senaskhah